

13 NOV 1997

Amerika-Ugut

KEDUTAAN AMERIKA TERIMA UGUTAN BUNUH

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Kedutaan Amerika Syarikat di sini menyatakan hari ini bahawa ia telah menerima panggilan telefon yang membuat ugutan untuk membunuh empat rakyat Amerika di Malaysia.

Dalam kenyataannya, kedutaan itu berkata ugutan untuk membunuh rakyat Amerika itu merupakan satu daripada dua panggilan telefon, yang membuat ancaman terhadap rakyat Amerika di negara ini, yang diterimanya pagi ini.

"Kami tidak dapat memastikan sejauh mana kredibiliti ugutan itu," kata kedutaan itu dalam kenyataan yang bertajuk: Notis Penting Untuk Masyarakat Amerika Di Malaysia.

Panggilan ugutan itu berlaku sehari selepas sekumpulan lelaki bersenjata membunuh empat eksekutif syarikat petroleum negara itu dan pemandu warga Pakistan dalam serangan nekad pada waktu siang di Karachi.

Polis Pakistan berkata pembunuhan itu mungkin mempunyai kaitan dengan pensabitan seorang warga Pakistan yang membunuh dua kakitangan Agensi Perisikan Pusat (CIA) negara itu.

"Dengan pensabitan Mir Aimal Kansi, perbicaraan terhadap Ramzi Ahmed Yousef, keadaan di Iraq, dan laporan akhbar mengenai resolusi kongres Amerika Syarikat (AS) terhadap Perdana Menteri Malaysia, rakyat Amerika di Malaysia diminta berwaspada terhadap keselamatan mereka dan melaporkan kepada polis akan sebarang kelakuan yang menimbulkan keraguan ataupun mengancam," menurut kenyataan daripada kedutaan itu.

Kasi disabitkan pada Isnin lepas di AS kerana membunuh dua kakitangan CIA pada 1993 di ibu pejabat CIA di Virginia.

Dan semalam, juri persekutuan AS mensabitkan Ramzi Ahmed Yousef sebagai perancang dalam pengeboman bangunan World Trade Centre pada 1992 yang menyebabkan enam orang terbunuh dan beratus-ratus cedera.

Sementara itu di luar kedutaan AS di Jalan Tun Razak di sini, lebih kurang 100 anggota sayap pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), mengadakan perhimpunan secara aman membantah resolusi yang akan dibentangkan di Kongres AS terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan itu juga bertujuan membantah siasatan Amerika terhadap pelaburan syarikat petroleum nasional, Petronas dalam sektor gas di Iran.

Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang mengetuai perhimpunan itu kemudian dibenarkan masuk ke bangunan kedutaan bersama lima lagi pemimpin pemuda komponen BN.

Zahid memberitahu pemberita kemudiannya yang beliau telah menyampaikan nota bantahan kepada Kaunselor Hal Ehwah Politik kedutaan itu Jeffrey Lunstead.

" Beliau (Lunstead) juga menyatakan tentang dua panggilan yang dibuat ke kedutaan itu yang mengugut membunuh empat rakyat Amerika di negara ini," kata Zahid.

" Kita harap panggilan itu bukan ugutan sebenar tetapi hanya panggilan mengusik. Kita tidak menentang Amerika tetapi apa yang kita buat ialah demi keadilan dan kesaksamaan bagi semua," kata Zahid merujuk kepada nota bantahan itu.

Kabinet semalam mengecam resolusi di Kongres AS yang mendapat sokongan 27 anggota kongres yang meminta Dr Mahathir memohon maaf ataupun meletakkan jawatan kerana mengeluarkan kata-kata terhadap masyarakat Yahudi yang menerima kritikan daripada kumpulan-kumpulan Yahudi di negara itu.

Dr Mahathir telah menjelaskan yang kata-kata beliau mengenai

penglibatan orang-orang Yahudi dalam serangan spekulatif terhadap mata wang Asia Tenggara telah disalahtafsirkan.

Menurut kenyataan kedutaan itu lagi: " Tragedi di Karachi semalam merupakan peringatan akan bahaya yang dihadapi oleh rakyat Amerika di luar negara".

Ia juga menasihatkan rakyat negara itu dengan kebimbangan tertentu ataupun pertanyaan supaya menghubungi Bahagian Konsular Kedutaan melalui talian 03-248-9011.

Sementara itu Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Bakri Omar memberitahu Bernama, polis telahpun diberitahu mengenai perkara itu.

Kita memandang berat akan perkara itu tetapi sukar untuk mengenal pasti dari mana datangnya panggilan itu.

Seorang jurucakap kedutaan itu memberitahu BERNAMA petang ini yang pihak berkuasa Malaysia telah memberikan kerjasama yang baik dalam menangani ugutan melalui telefon itu.

" Kita senang hati dengan bantuan dan rasa bertanggungjawab pihak polis dan pihak berkuasa awam," kata beliau.

" Kita sedang cuba menilai apa maksud ugutan ini," kata beliau.

Jurucakap itu berkata, rakyat Amerika di negara ini telah diarahkan mengambil langkah berjaga-jaga dan ini amalan biasa. -- BERNAMA

AU PR